



# TEKS UCAPAN



**YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)  
KPDNKK TAHUN 2016**

**DI DEWAN SERBAGUNA, ARAS G, KPDNKK PUTRAJAYA  
27 FEBRUARI 2017**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Terima kasih pengacara majlis,

Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong,

Timbalan Menteri KPDNKK

Yang Berbahagia Dato' Sri Jamil Bin Salleh,

Ketua Setiausaha Kementerian

Yang Berbahagia Dato' Basaruddin Bin Sadali,

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)

Yang Berbahagia Dato' Razali Bin Othman,

Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan Dan Pengurusan)

Ketua-Ketua Agensi, Pengarah-Pengarah Bahagian Dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian,

Para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2016 yang Diraikan.

Seterusnya para hadirin yang saya hormati sekalian.

## **Pendahuluan**

1. Pertamanya, saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama dengan warga KPDKNKK bagi meraikan **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Bagi Tahun 2016.**
2. Sememangnya, hari ini merupakan hari yang penuh bermakna dan istimewa buat semua atas penghargaan dan juga pengiktirafan kepada warga kpdknkk yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang dan profesional dalam menggalas tanggungjawab dan tugas mereka di kementerian ini.
3. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima APC tahun 2016. Pengiktirafan dan penghargaan yang disampaikan ini, merupakan manifestasi komitmen cemerlang tuan-tuan dan puan-puan dalam menyempurnakan segala perancangan kementerian sepanjang tahun 2016.

## **Peranan Warga KPDNKK Ke Arah 2017 Yang Gemilang**

**Tuan / puan yang saya hormati,**

4. Saya ingin menarik perhatian tuan / puan kepada ***World Competitiveness Yearbook (WCY) 2016*** yang dikeluarkan oleh ***Institute Of Management Development (IMD)*** yang melaporkan kedudukan daya saing mengikut 4 kategori iaitu: **Global (Keseluruhan); Saiz Penduduk; Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Per Kapita; dan Rantau Ekonomi.**
5. Berdasarkan laporan ini, malaysia berada pada kedudukan yang **ke-19 daripada 61 negara** pada tahun 2016. Meskipun masih berada dalam kedudukan dalam kalangan 20 negara paling berdaya saing, namun begitu kedudukan daya saing malaysia telah menurun berbanding tahun 2015 di mana malaysia berada pada kedudukan yang ke 14.
6. Daya saing merupakan kayu pengukur kepada prestasi dan pencapaian ke atas pelbagai dimensi ekonomi negara. Kemerosotan daya saing negara menunjukkan betapa pentingnya untuk kita menumpukan lagi usaha-usaha dalam memenuhi keperluan pelanggan.
7. Dalam mendepani dunia hari ini, cabaran kita bukan sahaja sekadar menggubal dasar, akta, dan program yang berkesan tetapi yang lebih penting ialah memastikan sistem penyampaian kita mempunyai keupayaan yang mantap untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.
8. Kita perlu ingat, kita bukan hanya memberi khidmat, malah kita juga penerima khidmat. Dalam urusan seharian, kadang kala kita sendiri berurus dengan jabatan dan agensi yang lain. Kalau kita mahukan perkhidmatan yang cekap, kita harus terlebih dahulu memberikan perkhidmatan yang sama.

9. Peningkatan perkhidmatan secara kolektif bukan sahaja memanfaatkan para pelanggan tetapi juga memberikan manfaat kepada kita semua. Oleh itu, satu perubahan yang positif perlu dibuat bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kita supaya lebih efisien, profesional dan cemerlang.

**Tahun 2017, Tahun Penyampaian**

**Hadirin yang saya hormati,**

10. Penanda aras muktamad bagi kementerian adalah kepuasan hati rakyat. Kalau kita dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan hati rakyat, maka itulah pencapaian KPI sebenar kita.

11. Seperti yang telah diucapkan oleh YAB Perdana Menteri, pada tahun ini, merupakan tahun pelaksanaan dan tahun penyampaian. fokus kita pada tahun 2017 adalah untuk rakyat, projek untuk rakyat, usaha untuk rakyat, kebajikan untuk rakyat, latihan untuk rakyat, penambahan nilai untuk rakyat, segala-galanya untuk rakyat.

**Budaya Kerja *Work In Silo***

12. Oleh itu, dalam menyalurkan khidmat kita kepada rakyat, koordinasi yang lebih baik perlu dilaksanakan antara kementerian dan jabatan. Kita perlu elakkan sikap terlalu *territorial*. Kita perlu elakkan wujudnya budaya ***silo***. dan ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah kementerian ini juga diingatkan untuk tidak menjadi *the little napoleon* kerana sikap itu tidak membantu dalam pembentukan satu gerak kerja berpasukan yang kuat.

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPDKKK**

**Tuan / puan yang saya hormati,**

13. Berbalik kepada majlis APC kita pada hari ini, penganugerahan APC merupakan satu manifestasi keperihatinan pihak kerajaan terhadap modal insan

berkualiti dan berprestasi tinggi. Saya berharap dengan pengiktirafan ini, tuan-tuan dan puan-puan akan lebih bersemangat untuk terus bekerja dengan cemerlang pada tahun-tahun mendatang.

14. Pada kali ini seramai **277** kakitangan KPDNKK menerima APC, daripada jumlah itu, **113 merupakan dari Skim Gunasama**, sementara selebihnya **164 lagi daripada Skim Penguatkuasa**. Lebih daripada **70 peratus** daripada mereka yang menerima APC ini juga merupakan staf kita dari negeri, kerana kita pun tahu mereka ini daripada kumpulan pelaksana yang banyak melaksanakan tugas-tugas yang ditetapkan.

15. Saya yakin pengiktirafan sebegini akan dijadikan sebagai galakan kepada pegawai-pegawai yang lain untuk memberikan sepenuh komitmen dan usaha bagi meraih mutu perkhidmatan kerja yang berkualiti tinggi. Persaingan yang sihat dalam meningkatkan prestasi yang cemerlang ini merupakan budaya positif yang perlu dikekalkan dalam perkhidmatan kerajaan agar perkhidmatan kita terus dipandang relevan dan diyakini oleh rakyat, serta menepati kehendak dan ekspektasi mereka.

16. Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada penerima apc tahun 2016. Setiap komitmen dan pencapaian cemerlang perlu sentiasa dipertingkatkan agar dengan kesungguhan berkenaan dapat mendukung usaha transformasi kerajaan. Marilah kita bersama-sama menjadi tunjang bagi membina sebuah perkhidmatan yang lebih dinamik dan akhirnya membina negara yang gemilang, ini kerana **negaraku... tanggungjawabku!**

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.